


Dalam perkembangan lain, Zuraida menepis kritikan beberapa pihak terhadap penjenamaan Program Perumahan Rakyat (PPR) yang didakwa akan menjejaskan golongan B40 (golongan berpendapatan terendah) untuk mendapatkan kediaman.

Katanya, penjenamaan semula itu dilakukan bagi menaikkan moral golongan B40 dan memberi jaminan bahawa biarpun dijenamakan semula, ia masih tetap mengutamakan golongan itu.

"Ya sudah tentu (mengutamakan B40). Hanya menamakan semula, kerana jika tidak penghuni PPR akan rasa rendah diri. Kita mahu naikkan moral mereka," katanya.

Katanya, projek itu akan dijenamakan semula kepada satu nama baru yang tidak mahu didedahkannya buat masa sekarang.

"Saya cuma cakap, memang ada jenamakan semula dari PPR sekarang ini, jadi (istilah) rumah mampu milik. Kita ada nama (khas), tetapi saya tak mahu cakap sekarang. Nanti pertengahan September saya lancarkan," katanya lagi.

Menurut Zuraida, rumah mampu milik itu nanti akan mempunyai keluasan lebih besar iaitu 900 kaki persegi dan berada di lokasi yang lebih strategik.

"Ia konsep berbeza daripada PPR sebelum ini," katanya lagi.